

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penyiasatan report polis bahawa pensijilan halal Malaysia tidak tertakluk di bawah bidang kuasa JAKIM dan Kerajaan Malaysia kini dipimpin oleh parti DAP. Apakah tindakan polis terhadap pihak-pihak yang mengeluarkan kenyataan membangkitkan sensitiviti perkauman, bangsa dan agama.

**JAWAPAN**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Kementerian Dalam Negeri dimaklumkan bahawa satu laporan polis yang dibuat oleh Ahli Parlimen Kepong berhubung laporan berita di akhbar The Star mengenai petikan kenyataan Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang juga Yang Berhormat Bera yang mendakwa persijilan logo halal kini di bawah Kementerian Kewangan yang dipimpin oleh Parti DAP.

Laporan polis tersebut diterima di IPD Dang Wangi pada 17 September 2019 dan perkara tersebut disiasat di bawah seksyen 505(c) Kanun Keseksaan mengenai kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum, melakukan sesuatu kesalahan terhadap manamana golongan atau kaum lain.

Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya pada 23 Oktober 2019 untuk arahan dan pertimbangan selanjutnya. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi sama ada penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh menyebabkan keresahan di bawah masyarakat.

Pihak polis juga akan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana orang yang melakukan perbuatan sedemikian berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan mahupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 bagi memastikan keharmonian antara kaum, bangsa dan agama terus terjaga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa kertas siasatan telah pun dibuat dan telah pun diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.